

# Tangani kenaikan kos sara hidup



Oleh **DR. MOHD. YUSOF SAARI**

**S**EJAK Bajet 2016 sehinggalah Belanjawan 2019, strategi untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat menjadi agenda utama kerajaan.

Perkembangan ekonomi semasa memperlihatkan kadar pertumbuhan pendapatan bergerak lebih perlahan berbanding dengan tingkat harga. Keadaan ini menyumbang kepada masalah kos sara hidup akibat daripada kemerosotan kuasa beli rakyat.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMK11) telah menggariskan strategi-strategi komprehensif yang akan diambil bagi tempoh 2019 hingga 2020, khusus untuk menangani masalah kos sara hidup.

Strategi-strategi tersebut perlu dimulakan pada Belanjawan 2019 bagi menyokong matlamat menangani kos sara hidup seperti yang terkandung dalam KSP RMK11.

Analisis ke atas Belanjawan 2019 mendapati strategi-strategi yang dicadangkan tidak banyak berubah berbanding dengan belanjawan terdahulu.

Mekanisme memperbaiki taraf hidup golongan berpendapatan rendah masih menggunakan kaedah yang sama iaitu melalui kaedah bantuan langsung kerajaan yang lebih bersifat strategi jangka pendek.

Contohnya, bantuan wang tunai di bawah skim Bantuan Sara Hidup (BSH) masih diteruskan tanpa penambahbaikan. Begitu juga kerajaan masih meneruskan bantuan pembinaan rumah mampu milik.

Terdapat dua strategi yang digariskan dalam KSP RMK11 yang seharusnya diberi pertimbangan pada Belanjawan 2019.

Pertama, strategi menangani herotan pasaran dengan menggalakkan lebih banyak persaingan yang mewujudkan lebih banyak ruang penawaran barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan dan kompetitif.

Strategi ini penting kerana struktur pasaran yang berbentuk monopoli mempengaruhi penetapan harga pasaran terutamanya segmen makanan.



**PEMBENTANGAN Belanjawan 2019 oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng disiarkan secara langsung di seluruh negara baru-baru ini.**

Kedua, meningkatkan keupayaan mendapat pekerjaan khususnya bagi pekerjaan berpendapatan tinggi. Namun, Belanjawan 2019 memberi keutamaan untuk membina kapasiti dan keupayaan melalui pendidikan dan latihan kemahiran.

## Nilai ringgit lemah

Ini pendekatan tradisional dan Malaysia memerlukan pendekatan baharu melalui pembabitian pihak swasta. Contohnya, insentif pelepasan cukai boleh dicadangkan ke atas firma yang menggaji, melatih dan memajukan ekonomi golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

Selain itu, langkah-langkah untuk menangani kelemahan nilai ringgit juga tidak diberi perhatian dalam Belanjawan 2019.

Perlu diingatkan bahawa bahan mentah yang diimport menyumbang sekitar 20 peratus daripada input pengeluaran. Jadi, susutan nilai mata wang tempatan bermakna kos import menjadi lebih mahal dan seterusnya menyebabkan harga barangan di pasaran menjadi lebih tinggi.

Dalam isu menangani kos sara hidup, ruang kepada penyelesaian jangka panjang yang terarah kepada penambahbaikan sistem ekonomi masih terbuka luas.



**BELANJAWAN 2019 terus menumpukan kepada aspek kos sara hidup rakyat. – Gambar hiasan**

Matlamatnya hanyalah satu iaitu mewujudkan sebuah masyarakat berpendapatan tinggi yang menyumbang kepada ekonomi negara dan bukannya sebuah masyarakat yang bergantung kepada bantuan kerajaan.

**“Mekanisme memperbaiki taraf hidup golongan berpendapatan rendah masih menggunakan kaedah yang sama iaitu melalui kaedah bantuan langsung kerajaan yang lebih bersifat strategi jangka pendek.**

● **DR. MOHD. YUSOF SAARI** adalah pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM dan juga Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan UPM.